

Bahagian A**[20 markah]****Soalan 1 hingga 13***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

1. Keberangkatan _____ ke istana diiringi oleh Laksamana Hang Tuah dan Bendahara Tun Perak.
A beta
B patik
C hamba
D baginda

2. Dahan pokok yang hampir reput itu _____ oleh ayah agar tidak membahayakan orang ramai .
A ditebas
B ditakik
C ditebang
D dipangkas

3. Banyak pokok _____ ditemukan oleh anggota pengakap di puncak Gunung Lambak.
A kerdil
B kurus
C renek
D panjang

4. Mak Cik Intan memasukkan tiga _____ garam ke dalam tempayan ikan pekasam yang dibuatnya.
A genggam
B jemput
C cubit

D buku


Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Encik Ahmad mengambil upah _____ bunga untuk menambah sumber pendapatannya.

- A mengatur
- B menggubah
- C mengubah
- D menggarap

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Ayah perlu memandu dengan berhati-hati ketika melalui jalan yang _____ itu kerana permukaan jalan belum diturap sepenuhnya.

- A lekak-lekuk
- B simpang-siur
- C lintang-pukang
- D bengkak-bengkil

7. Hakimi mendaftarkan namanya sebagai peserta di meja _____ pertandingan memanah.
- A segi tiga
 - B atur cara
 - C urus setia
 - D ahli panel
8. Salmah _____ kerana sangat suka dipuji atas setiap kerja yang dibuatnya.
- A makan diri
 - B makan suap
 - C makan angin
 - D makan angkat

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9. Cikgu Halim bertugas sebagai _____ pertandingan perbahasan peringkat sekolah.
- A jurucakap
 - B juruacara
 - C juruhebah
 - D jurubahasa

10. Kakak belajar menjahit _____ menunggu tawaran melanjutkan pelajaran ke universiti.
- A tatkala
 - B meskipun
 - C kendatipun
 - D sementara
11. _____ yang digunakan untuk menyokong ampaian di belakang rumah telah patah.
- A kekuda
 - B tetupai
 - C kekura
 - D kekisi
12. Chef Razali memasukkan sesudu tepung jagung dalam masakan itu untuk menambah _____ kuahnya.
- A kepedasan
 - B kepekatan
 - C kepejalan
 - D kecairan
13. Jurulatih itu gusar apabila mendapati para pemainnya tidak bersungguh-sungguh ketika berlatih di padang.
Pilih perkataan sinonim bagi gusar
- A bimbang
 - B kecewa
 - C marah
 - D sedih

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

14. Nasi buluh merupakan hidangan tradisional masyarakat keturunan Melayu Pattani.
- A Masyarakat Melayu Pattani suka hidangan tradisi nasi buluh.
 - B Nasi buluh keturunan Melayu Pattani menjadi hidangan tradisi.
 - C Hidangan tradisi masyarakat keturunan Melayu Pattani ialah nasi buluh.
 - D Nasi buluh tradisional dihidangkan oleh masyarakat keturunan Melayu Patani.

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

15. I Ketabahan kulit karipap itu telah menjejaskan mutu rasanya.
II Ketabahan Ali menempuh dugaan hidup di kota mematangkan dirinya.
III Ketabahan ibu menyara keluarga amat dihargai.
IV Kejayaan diperoleh sekiranya kita ketabahan menghadapi cabaran.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Soalan 16

Pilih ayat yang **betul**.

16. A Ikan di dalam kolam itu dijala olehnya.
B Aduhai, sakitnya jariku tercucuk duri!
C Sila jemput para peserta pertandingan ke dewan.
D Bilik tidur itu telah dicat oleh saya.

Soalan 17 hingga 20

Baca temu ramah di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nadia	: Assalamualaikum Profesor Ruslan. Saya, Nadia binti Ikhwan, dari Sekolah Kebangsaan Taman Ikan Emas mengucapkan ribuan terima kasih kerana sudi ditemu ramah.
Profesor Roslan	: Waalaikumussalam. Saya juga bangga kerana kamu sudi menemu ramah saya.
Nadia	: Boleh profesor jelaskan, apakah maksud komet?
Profesor Roslan	: Oh, komet. Sebenarnya komet ialah jirim yang besar. Komet ini terdiri daripada debu dan gas beku. Komet akan <i>berkilau</i> ketika bergerak menghampiri matahari.
Nadia	: Dapatkah kita melihat komet?
Profesor Roslan	: Ya, kita dapat melihat komet pada waktu malam. Pada waktu itu, komet bergerak dengan laju dan terang. Komet yang sangat terang juga dapat dilihat pada waktu siang.
Nadia	: Mungkinkah komet akan berlanggar antara satu sama lain?
Profesor Roslan	: Tidak, komet tidak akan berlanggar antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana komet bergerak mengikut ruang perjalanannya.
Nadia	: Berapa lamakah jarak waktu komet muncul semula?
Profesor Roslan	: Ada antara komet muncul semula setelah beribu-ribu tahun. Bagaimanapun Komet Helley muncul semula dalam tempoh 76 tahun.
Nadia	: Oh, begitu! Banyak juga fakta tentang komet yang tidak saya ketahui. Baiklah, nampaknya perbualan kita berakhir di sini. Terima kasih, profesor.
Profesor Roslan	: Terima kasih, Nadia.

17. Apakah tujuan Nadia berjumpa dengan Profesor Roslan?
- A Menemu duga Profesor Roslan.
 - B Menemu ramah Profesor Roslan.
 - C Berbincang dengan Profesor Roslan.
 - D Berbincang tentang jenis komet.
18. Bagaimanakah perasaan Nadia apabila Profesor Roslan bersedia untuk di temu ramah?
- A. Terharu
 - B Dukacita
 - C Bangga
 - D Gembira
19. Mengapakah komet tidak akan berlanggar antara satu sama lain?
- A Komet dapat dilihat.
 - B Komet bergerak dengan laju.
 - C Komet bergerak mengikut ruang perjalanannya.
 - D Komet muncul setelah beribu-ribu tahun.
20. Perkataan *berkilau* dalam petikan di atas bermaksud
- A bercahaya gemerlap
 - B bersinar terang
 - C bersuluh terang
 - D berseri-seri

BAHAGIAN A TAMAT